

# DARI ADAT KE KOLONIAL: SUMPAAH DARAH SEBAGAI INSTRUMEN KUASA BRITISH NORTH BORNEO COMPANY DI BORNEO UTARA

## *FROM CUSTOM TO COLONIAL: THE BLOOD OATH AS AN INSTRUMENT OF BRITISH NORTH BORNEO COMPANY POWER IN NORTH BORNEO*

Abdul Aziz Kong Bin Abdul Alim<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,  
(E-mail: [abdul\\_aziz\\_ma22@iluv.ums.edu.my](mailto:abdul_aziz_ma22@iluv.ums.edu.my))

### Article history

Received date : 20-09-2025

Revised date : 21-09-2025

Accepted date : 12-12-2025

Published date : 15-1-2026

### To cite this document:

Abdul Alim, A. A. K. (2025). Dari adat ke kolonial: Sumpah darah sebagai instrumen kuasa British North Borneo Company di Borneo Utara. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 959 – 974.

**Abstrak:** Makalah ini meneliti strategi British North Borneo Company (BNBC) dalam menggabungkan unsur budaya Barat melalui perjanjian bertulis serta adat tempatan seperti perjanjian lisan dan sumpah darah ke dalam proses pemerolehan wilayah pedalaman Borneo Utara pada akhir abad ke-19. Dengan menggunakan kerangka Teori Hegemoni Antonio Gramsci dan Teori Simbolisme Kuasa Kolonial, kajian ini menganalisis bagaimana ritual tradisional yang bersifat sakral telah dimanipulasi untuk mengabsahkan kuasa kolonial dan membina persetujuan sosial terhadap pemerintahan BNBC. Berdasarkan analisis dokumen kolonial, laporan ekspedisi, dan sumber antropologi, dapatan menunjukkan bahawa perjanjian lisan, sumpah setia bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pengukuhan legitimasi dan persetujuan politik, tetapi juga sebagai simbol integrasi antara kuasa tradisional dengan pentadbiran kolonial. BNBC memanfaatkan ritual ini sebagai strategi simbolik untuk mewujudkan bentuk hegemoni yang menekankan penerimaan dan kerjasama masyarakat tempatan tanpa kebergantungan mutlak kepada kekerasan ketenteraan. Melalui pendekatan ini, BNBC berjaya menstrukturkan bentuk pemerintahan baharu yang mengekalkan elemen budaya tempatan dalam kerangka pentadbiran kolonial moden. Kajian ini menegaskan bahawa adaptasi adat seperti sumpah darah merupakan instrumen penting dalam peralihan kuasa daripada sistem adat kepada sistem kolonial serta memperlihatkan bagaimana simbolisme budaya dimobilisasi bagi memperkukuh legitimasi kuasa penjajahan di Borneo Utara.

**Kata Kunci:** Syarikat Pentadbiran Borneo Utara, Perjanjian Bertulis, Perjanjian Lisan, Borneo Utara, sumpah darah, hegemoni, simbolisme kolonial, legitimasi kuasa

**Abstract:** This paper examines the strategy of the British North Borneo Company (BNBC) in integrating Western contractual culture with indigenous customs particularly the blood oath within the process of territorial acquisition in the interior regions of North Borneo during the late nineteenth century. Framed within Antonio Gramsci's Theory of Hegemony and the Theory

*of Colonial Symbolism of Power, this study analyzes how sacred traditional rituals were manipulated to legitimize colonial authority and cultivate social consent among local communities. Drawing upon colonial documents, expedition reports, and anthropological studies, the findings reveal that the blood oath functioned not only as a mechanism for political legitimization and consent but also as a symbol of integration between traditional power structures and colonial administration. BNBC employed this ritual as a symbolic strategy to establish hegemony through persuasion and cultural adaptation rather than through extensive military coercion. Through this approach, BNBC successfully restructured governance by embedding indigenous traditions within the framework of modern colonial administration. The study underscores that the adaptation of local customs, such as the blood oath, served as a crucial instrument in the transition of power—from customary to colonial systems—and demonstrates how cultural symbolism was mobilized to reinforce the legitimacy of colonial rule in North Borneo.*

**Keywords:** *British North Borneo Company, Treaties, North Borneo, blood oath, hegemony, colonial symbolism, political legitimacy*

## Pengenalan

Peralihan kuasa politik di Borneo Utara pada akhir abad ke-19 menandakan satu bab penting dalam sejarah kolonialisme British di Asia Tenggara. Wilayah ini, yang pada asalnya berada di bawah pengaruh Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu, secara beransur-ansur dipindahkan kepada pentadbiran British North Borneo Company (BNBC) melalui siri perjanjian antara tahun 1877 hingga 1878, diikuti pengesahan tambahan pada dekad-dekad berikutnya (Gramsci, 1971). Pemerolehan ini tidak semata-mata bersifat perundangan melalui dokumen bertulis, tetapi turut memperlihatkan dimensi sosial dan budaya yang kompleks, khususnya dalam konteks penerimaan masyarakat peribumi terhadap kuasa kolonial baharu. (Rutter, 1922).

Dalam hal ini, perjanjian lisan ikrar sumpah *darah (blood oath)* merupakan antara mekanisme penting yang mencerminkan pertembungan dan penyesuaian antara adat tempatan dengan kehendak kolonial. Upacara sumpah darah yang lazimnya bersifat suci dan dihormati dalam budaya masyarakat pedalaman telah dimanfaatkan oleh BNBC sebagai instrumen simbolik untuk mengabsahkan pemerintahan mereka. Walaupun amalan ini tidak diiktiraf dalam sistem undang-undang kolonial British, ia berfungsi sebagai alat politik yang mengukuhkan persetujuan sosial dan legitimasi pemerintahan BNBC di kawasan pedalaman Sabah (Nicholas, 1994).

Dalam konteks teori, artikel ini menggunakan Teori Hegemoni Antonio Gramsci bagi menjelaskan bagaimana BNBC membina kekuasaan bukan sekadar melalui paksaan (*coercion*), tetapi juga melalui pembentukan persetujuan (*consent*) dalam kalangan masyarakat tempatan. Melalui penerapan adat seperti sumpah darah, BNBC berjaya menyalurkan bentuk “persetujuan hegemonik” yang membolehkan pemerintahan kolonial diterima sebagai sesuatu yang sah dan wajar. Pada masa yang sama, teori simbolisme kuasa kolonial digunakan untuk menelusuri bagaimana ritual tradisional dimanipulasi menjadi simbol legitimasi yang menandakan peralihan daripada sistem pemerintahan adat kepada sistem pentadbiran kolonial moden (Treacher, 1884). Oleh itu, makalah ini meneliti strategi BNBC dalam memanfaatkan adat tempatan sebagai instrumen transisi kuasa daripada adat kepada kolonial serta menganalisis peranan sumpah darah sebagai simbol integrasi antara dua sistem pemerintahan yang berbeza. Penelitian ini bukan sahaja mengungkap aspek sejarah pemerolehan wilayah,

tetapi juga menyorot dimensi ideologi dan budaya yang membentuk asas kekuasaan kolonial di Borneo Utara pada penghujung abad ke-19.

### Sorotan Literatur

Sejarah Sabah atau Borneo Utara merupakan topik kajian yang tidak asing lagi dalam kalangan sarjana Barat mahupun tempatan, sama ada dalam bentuk penyelidikan mahupun perbahasan ilmiah. Walau bagaimanapun, setelah dilakukan penilaian semula terhadap karya-karya terdahulu, masih terdapat kelompangan kajian yang belum diterokai secara mendalam, khususnya berkaitan tajuk “*Dari Adat ke Kolonial: Sumpah Darah sebagai Instrumen Kuasa BNBC di Borneo Utara.*” Hanya segelintir sarjana yang menyentuh isu ini secara umum, sedangkan aspek yang lebih mendalam menunjukkan bahawa sistem adat yang diamalkan oleh masyarakat di Borneo Utara berasaskan kepada ikatan sosial yang kuat dan berfungsi sebagai asas pembentukan struktur kuasa tempatan sebelum kedatangan kuasa kolonial.

Sarjana yang dimaksudkan adalah Peter R. Phelan (1997) menekankan peranan menhir, batu sumpah, dan sininggazanak sebagai unsur budaya penting dalam masyarakat Kadazandusun yang berkait rapat dengan struktur sosial, kepercayaan dan hubungan mereka dengan alam sekitar. Melalui pendekatan etnografik dan visual, Phelan menambah dimensi baharu dalam kajian arkeologi tempatan yang sebelum ini banyak menumpukan kepada tapak kolonial dan artifak luar. Kajian ini menunjukkan bahawa monumen batu dan kayu bukan sekadar penanda fizikal, tetapi juga berfungsi sebagai simbol kuasa sosial dan ikatan adat.

Peter R. Phelan (2003) juga menjelaskan bahawa undang-undang adat bukan sahaja berfungsi sebagai alat penyelesaian pertikaian, tetapi juga sebagai satu bentuk legitimasi dan kedaulatan komuniti terhadap tanah, kawasan dan sempadan mereka. Phelan menekankan peranan ritual adat seperti sumpah setia, sumpah darah, menhir, batu sumpah, dan upacara penyembelihan kerbau merupakan sebagai simbol legitimasi kuasa dalam masyarakat tradisional Sabah yang dilakukan melalui upacara adat tradisional. Menurut Phelan, ketua adat, ketua seperti *Orang Tua*, *Bobolian*, dan *Ketua Kampung* mempunyai kuasa menentukan sempadan kampung, pemilikan tanah, dan hak guna sumber. Secara keseluruhannya buku ini bukan sekadar kajian undang-undang adat, tetapi merupakan sumber penting untuk memahami dimensi budaya, kuasa dan legitimasi dalam proses pembentukan sempadan moden oleh BNBC. Perkara ini adalah penting untuk diamati khususnya buat pemerintahan BNBC kerana di kawasan pedalaman terdapat beberapa ketua suku dan kerajaan puak yang masing-masing mempunyai kawasan walaupun sempadan itu tidaklah jelas.

P.S Shim (2007) memberikan pandangan bagaimana budaya dan amalan ritual tempatan menjadi instrumen pemerolehan kawasan yang lebih berkuasa daripada perjanjian bertulis. Penulisan ini juga penting untuk memahami bagaimana ketibaan kuasa luar misalnya BNBC atau pentadbiran kolonial berhadapan dengan sistem persempadanan sedia ada yang tidak didokumenkan secara rasmi, tetapi hidup dalam budaya tempatan. Kolonialisme terpaksa menyesuaikan proses persempadanan teknikal dengan realiti tempatan yang telah pun mempunyai bentuk sempadan tersirat berdasarkan adat, migrasi, kepercayaan dan cerita lisan.

Kajian “*Dari Adat ke Kolonial: Sumpah Darah sebagai Instrumen Kuasa BNBC di Borneo Utara*” meneliti bagaimana amalan adat seperti sumpah darah digunakan oleh BNBC sebagai alat legitimasi kuasa dan hegemoni politik di pedalaman Borneo Utara. Dalam konteks ini, (Ebooy et al., 2022) turut menonjolkan kesinambungan adat dan simbolisme masyarakat Dusun yang berakar daripada kepercayaan tradisional. Walaupun berfokus pada warisan megalit,

kajian mereka memperlihatkan bahawa unsur adat dan ritual memiliki nilai sosial serta politik yang penting dalam struktur masyarakat pedalaman. Hubungan ini mengukuhkan hujah bahawa BNBC memanfaatkan sistem adat tempatan, termasuk sumpah darah, sebagai instrumen untuk membina pengaruh dan pengabsahan kuasa kolonial di Borneo Utara.

### **Konsep dan Makna Sumpah Darah serta Perjanjian Lisan dalam Masyarakat Tempatan**

Dalam konteks masyarakat tempatan di pedalaman Borneo Utara, sistem perjanjian tidak semestinya direkodkan secara bertulis sebagaimana amalan undang-undang Barat. Sebaliknya, perjanjian lisan (*oral agreement*) dan sumpah darah (*blood oath*) memainkan peranan penting sebagai mekanisme pengikat sosial, politik, dan spiritual. Bagi masyarakat Kadazandusun dan Murut, keabsahan sesuatu perjanjian tidak terletak pada dokumen bertulis, tetapi pada pengiktirafan adat dan kejujuran kata yang disaksikan oleh roh nenek moyang serta kuasa ghaib alam semesta (Harrison, 1967).

Perjanjian lisan lazimnya dimeteraikan melalui ucapan sumpah, mantera/ jampi pertukaran simbolik seperti sirih pinang, parang atau gong kecil dan kadangkala diperkuat dengan ritual sumpah darah. Melalui proses ini, kedua-dua pihak mengikat diri dalam ikatan moral dan spiritual yang kekal, di mana setiap kata yang diucapkan dianggap suci dan tidak boleh dimungkiri tanpa mendatangkan padah. Menurut (Phelan, 2003) dalam sistem undang-undang tradisional Kadazandusun, “sumpah dan perjanjian lisan adalah institusi sosial yang berfungsi sebagai kontrak moral, disokong oleh ancaman kuasa spiritual bagi memastikan kepatuhan. Sumpah darah pula memperkukuh dimensi suci perjanjian tersebut. Ia dijalankan dengan menyentuh atau mencampurkan darah kedua-dua pihak yang bersumpah kadang-kadang darah itu dicampur dalam minuman tradisional seperti *tapai* dan diminum bersama dan darah dipercikkan di batu menandakan perjanjian itu dipersetujui (Azmil et.al, 2024). Tindakan ini bukan sekadar simbol penyatuan fizikal, tetapi dianggap sebagai penyatuan roh atau semangat (*sumangat*), menjadikan kedua-dua pihak bersaudara sehidup semati dalam kepercayaan adat. Dalam sistem moral tradisional, pelanggaran terhadap sumpah darah atau janji lisan dianggap sebagai pelanggaran terhadap hukum alam, dan boleh mengundang penyakit, kematian atau bencana alam ke atas pihak yang tidak menepati janji.

Antropologi awal seperti I. H. N. Evans dan Owen Rutter mencatatkan bahawa masyarakat pedalaman Borneo Utara mempunyai rasa tanggungjawab moral yang tinggi terhadap sumpah. (Rutter, 1929) menegaskan bahawa “kejujuran seseorang diukur melalui kesetiaannya terhadap sumpah, bukan dokumen,” manakala (Evans, 1922) menjelaskan bahawa “kepercayaan terhadap akibat sumpah menjadikan adat lebih efektif daripada undang-undang bertulis.” Apabila British North Borneo Company (BNBC) mula mengembangkan pengaruhnya ke kawasan pedalaman pada akhir abad ke-19, mereka menyedari bahawa perjanjian bertulis dalam bahasa Inggeris tidak mempunyai nilai legitimasi sosial dalam kalangan masyarakat tempatan yang berpegang pada adat. Oleh itu, BNBC menyesuaikan pendekatan mereka dengan menggunakan gabungan perjanjian lisan dan adat upacara sumpah darah bagi menzahirkan bentuk “perjanjian adat” yang dapat diterima oleh ketua-ketua tempatan. Melalui tindakan ini, BNBC berjaya memanfaatkan sistem kepercayaan setempat untuk mewujudkan hegemoni yang berasaskan persetujuan (*consent*), bukan hanya paksaan. Strategi ini bukan sahaja mempercepatkan penerimaan terhadap pemerintahan mereka, tetapi turut menjadikan adat sebagai alat legitimasi kuasa kolonial.

Oleh itu, sumpah darah dan perjanjian lisan bukan sekadar instrumen adat dalam masyarakat tempatan, tetapi juga menjadi teras interaksi antara kuasa kolonial dan struktur tradisional. Ia memperlihatkan pertembungan dua sistem legitimasi iaitu undang-undang bertulis kolonial dan hukum moral adat yang akhirnya mewujudkan bentuk hibrid kuasa kolonial tempatan di Borneo Utara

### **Teori Hegemoni Antonio Gramsci**

(Antonio Gramsci, 1971) memperkenalkan konsep hegemoni bagi menjelaskan bagaimana sesuatu golongan pemerintah mengekalkan kekuasaan bukan semata-mata melalui paksaan fizikal (*coercion*), tetapi melalui pembinaan persetujuan sukarela (*consent*) daripada masyarakat yang diperintah. Hegemoni terbentuk apabila idea, nilai, dan simbol golongan pemerintah berjaya diterima sebagai norma sosial yang sah dan wajar oleh masyarakat umum (Fontana, 1996) Dengan kata lain, kuasa yang hegemonik tidak perlu memaksa, kerana pihak yang diperintah menerima dominasi tersebut secara sedar melalui penginternalisasian ideologi dan budaya.

Dalam konteks kajian ini, konsep hegemoni digunakan untuk menjelaskan bagaimana BNBC memanfaatkan adat dan simbol tempatan sebagai alat membina persetujuan politik. Pihak kolonial menyedari bahawa penggunaan kekuatan ketenteraan semata-mata tidak mencukupi untuk menundukkan masyarakat pedalaman Borneo Utara yang kuat berpegang pada adat. Oleh itu, mereka menggunakan perjanjian lisan dan ritual sumpah darah sebagai mekanisme hegemoni dengan mengadaptasi bentuk simbolik adat tempatan ke dalam strategi pentadbiran kolonial.

Melalui upacara tersebut, BNBC menampilkan imej sebagai kuasa yang “menghormati adat” dan “bersekutu dengan ketua tempatan,” walhal pada hakikatnya ia merupakan proses pembinaan persetujuan politik yang mengalihkan kesetiaan masyarakat daripada struktur kepimpinan tradisional kepada struktur kolonial. Dengan demikian, sumpah darah berfungsi sebagai medium hegemoni budaya, iaitu satu cara halus untuk menundukkan penduduk tempatan melalui penerimaan simbolik, bukan paksaan ketenteraan.

### **Teori Simbolisme Kuasa**

Teori Simbolisme kuasa Kolonial pula menekankan bagaimana kuasa imperialis mengekalkan dominasi melalui penggunaan simbol, ritual, dan representasi budaya. Menurut (Clifford, 1973) Geertz, simbol bukan sahaja menyampaikan makna, tetapi juga berfungsi sebagai alat kuasa yang membentuk persepsi sosial terhadap legitimasi sesuatu pemerintahan. Dalam konteks kolonialisme, pihak penjajah sering meminjam, mengadaptasi, dan memanipulasi simbol tempatan untuk mewujudkan ilusi keserasian budaya dan penerimaan politik.

Dalam kes Borneo Utara, BNBC menggunakan upacara sumpah darah, penyembelihan kerbau, dan pertukaran tanda perjanjian secara adat sebagai manifestasi simbolik penghormatan terhadap kepercayaan masyarakat Kadazandusun dan Murut (Evans, 1922). Upacara ini menampilkan seolah-olah hubungan persaudaraan dan kesetiaan telah terjalin antara kedua-dua pihak. Namun, seperti yang dijelaskan oleh Peter R. Phelan, proses ini bersifat asimilatif dan manipulatif, kerana adat yang asalnya melambangkan kesetiaan spiritual diubah menjadi tanda legitimasi politik kolonial (Phelan, 2003). Simbolisme ini turut memperlihatkan bahawa sumpah darah telah beralih fungsi daripada ikatan sakral sesama komuniti menjadi perjanjian politik unilateral yang mengesahkan kuasa BNBC ke atas wilayah pedalaman. Dalam erti kata

lain, BNBC mengubah makna adat menjadi strategi kuasa, menjadikan adat sebagai alat penundukan yang kelihatan sah di mata masyarakat tempatan (Rutter, 1929).

### **Sintesis Teori: Hegemoni dan Simbolisme Kuasa**

Kedua-dua teori ini saling melengkapi dalam menjelaskan bagaimana BNBC membina dominasi melalui penggabungan antara adat budaya dan kuasa politik. Teori Hegemoni Gramsci menerangkan aspek persetujuan dan penerimaan sosial, manakala Teori Simbolisme Kuasa menyorot bagaimana simbol dan ritual adat dijadikan alat representasi kuasa. Dalam konteks Borneo Utara, sumpah darah dan perjanjian lisan menjadi instrumen dwi-fungsi ritual suci bagi masyarakat tempatan dan alat politik bagi BNBC. Bagi komuniti Kadazandusun, Rungus, Murut khususnya kawasan pedalaman, sumpah darah mengikat dua pihak dalam hubungan persaudaraan dan kesetiaan rohani yang tidak boleh dikhianati tanpa menanggung akibat spiritual atau sosial. Sebaliknya, bagi BNBC, upacara tersebut ditafsir sebagai bentuk politik akomodasi strategi diplomatik yang menyesuaikan diri dengan budaya tempatan untuk mendapatkan legitimasi sosial tanpa konfrontasi ketenteraan. Gabungan dua dimensi ini menunjukkan bahawa BNBC berjaya membentuk satu bentuk hegemoni kolonial yang berasaskan simbolisme budaya. Adat dijadikan landasan bagi membina persetujuan, dan simbol tempatan dijadikan alat untuk menegakkan kuasa. Justeru, sumpah darah berperanan sebagai jambatan antara dua sistem politik satu berasaskan adat dan spiritualiti, satu lagi berasaskan rasionaliti kolonial dan undang-undang moden yang akhirnya melahirkan bentuk legitimasi hibrid di Borneo Utara

### **Instrumen Pemerolehan Wilayah Borneo Utara antara tahun**

Instrumen pemerolehan wilayah di Borneo Utara antara tahun 1877 hingga 1916 memperlihatkan satu proses transformasi daripada bentuk perjanjian bertulis tradisional kepada instrumen pentadbiran kolonial moden. Proses ini bukan sahaja bersifat perundangan, tetapi juga mencerminkan interaksi kompleks antara adat tempatan, struktur kuasa kolonial, dan geopolitik antarabangsa (Allen et.al, 1981). Dalam tempoh ini, British North Borneo Company (BNBC) menggunakan pelbagai mekanisme perundangan dan politik bagi mewujudkan legitimasi kuasa dan hak kedaulatan ke atas wilayah Borneo Utara. Mekanisme tersebut merangkumi perjanjian bertulis, pengiktirafan kedaulatan, sumpah setia, dan pengesahan antarabangsa melalui perjanjian antara kuasa besar Eropah.

Setiap fasa pemerolehan menggambarkan penyesuaian strategi BNBC terhadap konteks tempatan dan antarabangsa. Dalam konteks tempatan, BNBC menyesuaikan pendekatannya dengan norma adat dan struktur kepimpinan pribumi yang berasaskan sumpah dan persetujuan lisan manakala dalam konteks antarabangsa, syarikat tersebut berusaha menzahirkan pemerolehan itu sebagai pemindahan kedaulatan yang sah (*lawful transfer of sovereignty*) selaras dengan prinsip undang-undang kolonial abad ke-19. Seiring dengan kerangka teori hegemoni (Gramsci, 1971), strategi ini mencerminkan bagaimana BNBC membina persetujuan politik melalui simbol dan dokumen yang merupakan suatu bentuk hegemoni kolonial yang berasaskan gabungan antara “perjanjian adat” dan “kontrak undang-undang.” Dalam hal ini, sumpah setia dan perjanjian bertulis menjadi dua wajah kepada satu tujuan yang sama: menegakkan legitimasi kuasa kolonial dengan cara yang diterima oleh kedua-dua sistem sosial Barat dan tempatan.

### **“Sumpah Darah” di Pedalaman Borneo Utara 1916**

Setelah memperoleh hak pentadbiran daripada pemilik sah iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu melalui perjanjian bertulis yang sah dari segi undang-undang antarabangsa,

British North Borneo Company (BNBC) mula memperluas pengaruhnya ke kawasan pedalaman Borneo Utara. Perluasan ini tidak hanya bergantung pada kekuatan dokumen bertulis semata-mata, tetapi turut melibatkan pelaksanaan ekspedisi lapangan untuk mengenal pasti keadaan sebenar wilayah yang ditadbir serta menentukan sempadan fizikal berdasarkan pembahagian provinsi yang ditetapkan oleh syarikat. Langkah ini penting kerana BNBC menyedari bahawa pemerolehan wilayah di atas kertas tidak semestinya menjamin penguasaan sebenar di lapangan. Oleh itu, siri ekspedisi ke pedalaman dijalankan bukan sahaja bagi memperkukuh tuntutan kedaulatan, tetapi juga untuk membina hubungan diplomatik dengan pemimpin tempatan melalui perjanjian lisan, ikrar taat setia dan upacara sumpah darah satu bentuk legitimasi yang diterima secara adat oleh masyarakat pribumi. Jadual berikut merangkumkan bentuk pengaruh dan kaedah pemerolehan BNBC di kawasan pedalaman antara tahun 1884 hingga 1898.

**Jadual 1: Pemerolehan Kawasan Pengaruh oleh British North Borneo Company (1884-1898)**

Pemimpin Tempatan	Kaedah/ Bentuk Hubungan	Kawasan
Pengiran Samah (Ketua Suku), Ketua Suku Buludupih	Penaklukan Pengawalan Pengaruh 12 Februari 1884 (Tabret, 1998)	Gumantong, Gua Madai
Si Dolamit, Si Maganndi dan Si Magahin (Peluan), Maharajah Oban, Mahara Wali, Panlima Prang dan Riman Panang	Perjanjian Lisan & Ikrar Sumpah Setia (BNBH, Januari 1886)	Hulu Sungai Padas, Kawasan Anak Sungai Bamban hingga Sungai Pahl
Ketua Suku-Suku Lotud dan Ketua Dusun, Puak	Rundingan Damai & Perjanjian Tradisional, 07 Mac 1887 (BNBH, Julai 1887)	Tuaran-Kiau
Ketua Suku Puak Sogolitan, Ketua Puak Suku Penungah, Ketua Suku Puak Kinabatangan	Perjanjian Batu Sumpah Darah, 03 Mei 1887 (BNBH, Jun 1887)	Penungah, Labuk dan Kinabatangan
Pengiran Syahbandar	Penaklukan Kawalan Penuh, 10 Mac 1889 (Helina, 2003)	Padas Damit, Barat Daya
Ketua Suku Kapurkan, Ketua Suku Rowanti, Ketua Suku Pemaitan, Nonok Malaukop	Perjanjian Lisan Ikrar Sumpah Setia, Jun-Julai 1894 (CO 874.263)	Sungai Bongon Pedalaman Barat Daya, Kapurkan
Ketua Suku Gunsanat, Ketua Pemimpin Tempatan Dunkian, Dunkian, Sampoan	Perjanjian Lisan Ikrar Sumpah Setia (17 Januari 1895) (BNBH, Februari 1899)	Sambian yang terletak di Lembah Tambunan
Ketua Tempatan Si Fintur (Pangapuyan), Hundanung (Kias), Si Ladors (Manggis) Si Langgan (Milanghap-Pemaitan) dan Si Gunting	Perjanjian Tradisional Sumpah Darah, 13 Jun dan 29 Julai 1895 (CO 874.263)	Marak Parak, Manngis, Kias, Langgan, Milanghap-Pemaitan, Dausan Inuman, Kampung Palis Compation, Pangopagan dan Tanggal
Ketua Suku Tuhauan	Penaklukan Perjanjian Lisan dan Ikrar Sumpah Setia 17, Januari 1899 (BNBH, April 1898)	(Bundu-Tuhan), Ranau
Datu Paduka Mat Salleh	Perjanjian Bertulis pengiktirafan pembesar tempatan Perjanjian Pulutan, 19 April 1898 (BNBH, Mei 1898)	Menggatal


Ketua Suku Gunsanad, Ketua Doyah, Puak Segahas	Perjanjian Lisan Sumpah Setia ,15 Januari 1899 (CO 874.263)	Samberan
Puak Mengalon, Puak Sampissan	Rundingan Damai Perjanjian Lisan dan Sumpah Setia 17 1899 Mac (CO 874.263)	Hulu Padas
Puak Suku Rundum, Lalanagan, Melalap	Perjanjian Lisan Ikrar Taat Setia,04 Januari 1899 (CO 874.265)	Rundum, Lalangan m Melalap
Ketua Suku Gaggo, Gunsian & Sincacong, Suku Sausat, Suku Sarra, Suku Gynsour, Suku Neumat, Suku Gulantai, Ketua Maiwan, Ketua Tempayam Gunting, Sakong, Derahman dan Handowan	Perjanjian Lisan dan Ikrar Taat Sumpah Setia, 29 Ogos 1899 (CO 874.248)	Kagookan atau Sinancouan
Kerajaan Segahas, Ketua Suku kawasan Dansuroo, Ketua Suku Taboh, Ketua Suku Irmprek, Ketua Siding, Ketua Gumpok, Ketua Kapayan, Ketua Lymander, Ketua Sababah	Penaklukan penguasaan Penuh di Lapangan Perjanjian Lisan, Sumpah Setia, Januari 1899-1900 (CO 874.265)	Ulu Tuaran, Ulu Papar, Simbow, Taboh, Nalansatan dan Lembah Sungai Tagalan, Sungai Merais, Neehan, Simbow

**Sumber** : Diolah dan diubahsuai dalam Agreements, assignments, commissions, conveyances, deeds, leases, etc. Articles of agreement between Alfred and Edward Dent. December 10, 1877. MS CO 874/15-MS C0874/55 Records of the British Colonial Office. The National Archives (Kew, United Kingdom). *State Papers Online Colonial* (accessed October 8, 2025).

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa pemerolehan kawasan yang diperolehi oleh pihak BNBC bukan sahaja melalui perjanjian bertulis tetapi turut dilaksanakan di lapangan oleh pegawai yang diberikan arahan khususnya mengikut provinsi-provinsi. Hal ini menunjukkan bahawa pengaruh terhadap pemilikan di kertas dan di lapangan adalah berbeza terhadap penerimaan sesebuah pemerintahan baru khusus kuasa asing terhadap masyarakat peribumi. Sistem politik di Borneo Utara masing-masing mempunyai sistem kepolitikannya sendiri berdasarkan kesesukuan dan kepuakaan khususnya entiti seperti kaum Murut, Dusun, Liwan, Tuhuan (Ranjit, 2000).

Dalam konteks ini, BNBC menunjukkan satu proses yang panjang terhadap pemilikan wilayah seperti yang di nyatakan di atas, pelbagai kaedah yang telah digunakan antaranya adalah melalui campur tangan secara langsung dalam konflik atau peristiwa berdarah antara kaum akibat daripada budaya *head hunting* atau amalan pemburuan kepada antara suku (John Whitehead, 1893). Dari sudut kawasan geografi, kawasan ini tertumpu di kawasan pedalaman terletak seperti sungai-sungai yang atau lokasi yang jauh terletak dalam kedudukan dari Pantai Timur dan Pantai Barat. Secara umum, dapat dilihat antara lakaran yang direkodkan melalui catatan kolonial seperti rajah di berikut yang menunjukkan tumpuan-tumpuan yang memiliki pengaruh berdasarkan kawasan pentadbiran politik pentadbirannya sendiri.





<b>Rajah 1</b>	:	<b>Lakaran Umum Kawasan Pedalaman Borneo Utara tahun 1908 yang mempunyai Pentadbiran Sendiri</b>
Sumber	:	General map of parts of British North Borneo (now Sabah in the Malaysian Federation) showing mineral resources and routes of explorations by Dr R. Pilz 1908-1911. Scale: scales not shown. Intended to accompany reports by and letters from Dr Pilz which can be found in CO 874/153. Sheet size between 22.5 cm x 28.5 cm and 22.5 cm x 70.5 cm. 1908-1911. MS CO 874/227/98, Records of the British Colonial Office. The National Archives (Kew, United Kingdom). <i>State Papers Online Colonial</i>

Mekanisme campur tangan terhadap misi pengamanan ini merupakan satu langkah awal untuk mendapatkan pengiktirafan kepada pentadbiran BNBC di lapangan. Selain itu juga, tindakan secara paksaan atau tindakan militer merupakan elemen untuk mengukuhkan lagi kedudukan pemerintahan BNBC di Borneo Utara kerana enggan memberikan kerjasama terhadap kepemimpinan yang sah dari sudut undang-undang. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas di mana usaha untuk menundukkan salah seorang pemimpin pembesar tempatan yang sangat berpengaruh dan disegani di Borneo Utara iaitu Datu Paduka Mat Salleh. Lebih kurang empat tahun BNBC berusaha untuk menundukkan ketua pembesar tempatan ini melalui mekanisme rundingan, tindakan kekerasan militer dan akhirnya ianya dapat diselesaikan melalui satu siri rundingan diplomatik antara dua hala (Sabihah et al., 2007).

Memasuki abad ke-20, BNBC beralih daripada fasa pengukuhan kepada fasa pengembangan terakhir yang bertujuan menstrukturkan sempadan pentadbiran di kawasan pedalaman selatan, khususnya di wilayah yang didiami oleh masyarakat Murut. Pendekatan yang diambil dalam fasa ini masih mengekalkan asas diplomasi tempatan melalui perjanjian lisan dan ikrar sumpah setia, namun secara beransur-ansur disertai oleh penggunaan kekuatan militer apabila wujud penentangan terhadap pengaruh kolonial. Jadual berikut menunjukkan peluasan pengaruh BNBC di kawasan pedalaman selatan Borneo Utara antara tahun 1901 hingga 1916.

**Jadual 2: Instrumen Pemerolehan Kawasan Pedalaman oleh British North Borneo Company (1901-1916)**

Pemimpin Tempatan	Kaedah /Bentuk Hubungan	Kawasan
Ketua Suku Binoli, Illagod, Ahmat, Towan, Mungbaylong, Maharajah Oban, Mungtidiong, Ketua Suku Si dolas, Komuniti Kawasan	Perjanjian Lisan dan Sumpah Setia, Februari 1898 (Amy Azuan & Maureen, 2017)	Tenom, Melalap, Tomani, Illonai, Billagod, Sungai Pangalan, Benahi
Ketua Suku Ansuyu	Perjanjian lisan dan ikrar sumpah setia, 1909 (BNBH, April 1909)	Sungai Simengarais
Ontoros Antenom	Penaklukan dan Perjanjian Lisan 18 April, 1915 (CO 874.834)	Pensiangan dan wilayah sekitarnya

Ketua Masyarakat Murut Mukang, Uram, Belintah dan Sanggut	Penaklukan dan Militer, 15 Mac 1916 (CO531.10)	Sungai Selalir, Hulu Padas, Marak Parak, Tambunan, Keningau
---	--	---

Berdasarkan Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa fasa terakhir bagi pemerolehan pengaruh daripada ketua suku dan kerajaan puak oleh kuasa BNBC di Borneo Utara masih menggunakan kaedah atau mekanisme perjanjian lisan dan melalui tatacara tradisional dan adat masyarakat peribumi. Dapat dilihat bahawa proses pemerolehan di kawasan pedalaman adalah sukar ditembusi untuk menyebarkan pemerintahan kerana masyarakat peribumi kawasan pedalaman ini sangat berpegang teguh dengan amat dan sistem perundangan mereka yang berdasarkan adat ritual dan roh-roh seperti yang dijelaskan dalam konsep sebelum ini. Dalam masa yang sama, pihak BNBC terpaksa mengasimilasikan dan mengadaptasikan kaedah-kaedah ini agar dapat mendapat pengiktirafan penuh. Selain itu juga kaedah pemerolehan bukan sahaja dapat dibuktikan melalui perjanjian bertulis, perjanjian lisan tetapi turut menggunakan tindakan militer secara kekerasan seperti mana yang menolak autoriti kepimpinan BNBC yang baharu di Borneo Utara.

### Aplikasi Teori Hegemoni Gramsci dalam Pemerolehan Wilayah

Dalam konteks pemerolehan wilayah Borneo Utara, BNBC tidak hanya menggunakan kekerasan atau paksaan ketenteraan untuk menundukkan masyarakat tempatan, tetapi turut membina “*consent*” (persetujuan sosial) melalui adaptasi terhadap sistem nilai dan simbol tempatan. Salah satu contoh signifikan ialah pelaksanaan upacara sumpah ikrar taat setia yang dijalankan di kawasan tinggi berhampiran tebing sungai, di bawah sepohon pokok buah-buahan yang berdaun lebat. Di belakang barisan upacara berdiri tiga orang konstabel polis, manakala pegawai BNBC, D.D. Daly, berdiri di hadapan bersama beberapa ketua suku dan pedagang tempatan. Ketua-ketua kaum Murut kemudiannya melafazkan sumpah taat setia sambil menetak sebatang ranting sebagai simbol pengorbanan diri, diikuti dengan pandangan ke arah bendera BNBC yang dipacak di tanah melambangkan pengiktirafan terhadap kuasa kolonial. Mereka turut berikrar untuk menghentikan amalan *headhunting* dalam kalangan masyarakat Murut dan Peluan. Lafaz sumpah tersebut antara lain berbunyi seperti berikut:

*“I follow the authority of the Government of the British North Borneo Company the Sandewar and The Peluan people are now of mind. If I kill a Sandewar (if a Peluan is swearing) man when I go to the water may, I not able to drink, when i go to the jungle may i not able to eat may my father die their die, may my mother die, may my wife die, may my children die, may my house be burned down, may my paddy not grow in my fields, may i not catch fish when i go fishing, may my life be ended. I cut this stick as I am cutting my own neck, the great spirit of my witness, may this stick grow into life again, I ever I kill or take heads any more, and I follow all the customs and orders of the British North Borneo Company and i take this oath with sincere mind and i shall pay the poll tax of the company”*

(BNBC, Januari 1886)

Ketua Samoonap dari Kinamatey bersama dua puluh pengikutnya terdiri daripada lelaki, wanita, dan kanak-kanak turut hadir untuk mengangkat sumpah. Begitu juga Ketua Peluan, Saguiuome, bersama dua belas pengikut dari Sungai Papaus, serta Ketua Angkappon dari Sungai Belombong bersama lima belas pengikutnya. Upacara ini, yang disempurnakan pada tahun 1886, menandakan kesahan simbolik pengiktirafan terhadap kekuasaan BNBC di wilayah tersebut.

Peristiwa lain yang memperkukuh hegemoni BNBC ialah laporan pada Februari 1887 oleh R.M. Little, Timbalan Residen Wilayah Keppel, yang menerima maklumat daripada Pangeran Shabudin mengenai kesediaan ketua-ketua suku Lotud dan Dusun Bukit di kaki Gunung Kinabalu untuk menghentikan konflik *headhunting* dan menyatakan kesetiaan kepada BNBC. Berdasarkan tinjauan Aki Gawang di 64 buah kampung, satu perjanjian damai serta upacara batu sumpah telah dirancang di Kampung Kiau, Kota Belud. Antara 16 Februari hingga 6 Mac 1887, rombongan rasmi BNBC mengadakan lawatan ke kampung-kampung sekitar Tuaran dan Kota Belud bagi mendapatkan persetujuan ketua-ketua suku. Upacara rasmi pada 7 Mac 1887 disertai pengibar bendera BNBC, penyembelihan kerbau, dan penanaman batu sumpah sebagai lambang perjanjian damai dan kesetiaan terhadap kerajaan BNBC (BNBH, Julai 1887).

Melalui kerangka Teori Hegemoni Gramsci, tindakan BNBC ini menunjukkan pembentukan dominasi ideologi melalui penyesuaian simbol dan adat masyarakat pedalaman seperti sumpah darah, ikrar kesetiaan, dan perjanjian lisan. Proses ini melahirkan bentuk pemerintahan hegemonik di mana masyarakat tempatan menerima penguasaan BNBC bukan kerana paksaan, tetapi kerana mempercayai bahawa kuasa tersebut sah menurut adat dan nilai spiritual mereka. Justeru, BNBC berjaya melaksanakan satu bentuk *kolonialisme berbudaya* yang berteraskan strategi *co-optation* terhadap pemimpin-pemimpin suku tempatan, sejajar dengan pandangan Gramsci bahawa hegemoni dicapai melalui penguasaan terhadap kesedaran dan makna budaya masyarakat, bukan semata-mata melalui kekuatan material. Tindakan BNBC yang dijelaskan dalam teks ini adalah manifestasi utama bagi Hegemoni Budaya (*Cultural Hegemony*) Gramsci, di mana BNBC menyusun dominasi mereka bukan hanya melalui dominasi (paksaan), tetapi terutamanya melalui pembinaan persetujuan (*consent*) daripada masyarakat yang ditakluki.

Penyatuan simbol adat dengan kuasa kolonial BNBC secara sedar tidak menghapuskan amalan sumpah tempatan; sebaliknya, mereka menyerap dan menggunakan ritual tersebut sebagai medium untuk memperkukuh kekuasaan mereka. Contoh sumpah taat setia suku Murut dilakukan di tempat suci (kawasan tinggi, pokok berdaun lebat) dan melibatkan simbol pengorbanan diri (menetak ranting). Lafaz sumpah itu sendiri mengandungi kutukan spiritual yang berat misalnya, "*may my father die, may my house be burned down*". Implikasi Gramsci ini adalah proses transformismo, di mana BNBC sebagai kuasa politik baharu menyerap unsur ideologi lama kepercayaan spiritual dan adat sumpah masyarakat tempatan. Dengan berbuat demikian, mereka memastikan kestabilan dan mengelakkan konflik terbuka, kerana masyarakat tempatan menerima pemerintahan BNBC sebagai sah (*legitimate*) mengikut kerangka moral dan spiritual mereka sendiri.

Peralihan dari dominasi ke Hegemoni dominasi paksaan simbolik kehadiran tiga konstabel polis dan pegawai BNBC (D.D. Daly) di upacara tersebut (1886) mewakili kekuatan material dan paksaan kolonial. Hegemoni persetujuan lisan spiritual elemen utama upacara adalah sumpah yang mengikat (*ritual* dan *lafaz spiritual*). Ini adalah penguasaan terhadap kesedaran dan makna budaya masyarakat, yang jauh lebih kuat daripada paksaan fizikal. Masyarakat tempatan mempercayai bahawa melanggar janji kepada BNBC bermakna melanggar janji suci mereka sendiri dan akan dihukum oleh roh nenek moyangalam Kesimpulan Hegemoni masyarakat tempatan menerima penguasaan BNBC bukan semata-mata kerana takut kepada polis, tetapi kerana mempercayai bahawa kuasa itu telah disahkan melalui upacara adat yang suci. Ini membuktikan kolonialisme berbudaya yang berteraskan hegemoni ideologi. Simbolisme yang digunakan dalam kedua-dua peristiwa 1886 dan 1887 adalah kunci untuk memahami strategi BNBC dalam membina *consent*.

**Jadual 3: Penggabungan Simbol Suci dan Sekular**

Simbol Tempat Asal Spritual	Simbol BNBC (Sekular/Kuasa Material)
Batu Fizikal (Batu Sumpah)	Bendera BNBC (Dipacak di tanah)
Sumpah Kutukan Spritual <i>May my father die</i>	Persetiaan membayar Cukai Kepala <i>I shall pay the poll tax of the company</i>
Penanaman Batu Sumpah (Lambang Perjanjian Damai)	Penyembelihan Kerbau (Di Kiau, Kota Belud)
Menetak Ranting (Simbol Pengorbanan Diri)	Konstabel Polis/ Pegawai BNBC (Penguat kuasa undang-undang)

Implikasi BNBC secara sengaja meletakkan bendera mereka dan syarat sekular mereka seperti cukai kepala (*poll tax*) bersebelahan dengan simbol suci masyarakat tempatan sumpah spiritual. Ini menempatkan BNBC sebagai penerus dan pelindung kepada ketertiban spiritual dan adat sedia ada, menjadikannya mustahil bagi masyarakat tempatan untuk mematuhi adat mereka tanpa mematuhi BNBC. Pengiktirafan dan kawalan Sosial BNBC menggunakan upacara ini untuk melaksanakan perubahan sosial yang diinginkan, terutamanya untuk menghentikan amalan *headhunting*. Dengan berbuat demikian, BNBC menunjukkan bahawa mereka bukan sahaja menguasai politik, tetapi juga mempunyai autoriti moral untuk membentuk norma-norma sosial. Bukti pengiktirafan adalah dengan kehadiran ketua-ketua suku yang berpengaruh Ketua Samoonap, Ketua Saguiuome, Ketua Angkappon memberikan pengesahan akar umbi kepada perjanjian tersebut. Ia adalah strategi *co-optation* yang sangat berkesan terhadap elit tempatan (*chiefs*), di mana mereka menjadi saluran utama hegemoni BNBC di kampung masing-masing. Secara keseluruhan, peristiwa-peristiwa ini iaitu bermula daripada lafaz sumpah yang dipenuhi kutukan spiritual hingga kepada pengibaran bendera BNBC adalah contoh sempurna bagaimana BNBC menggunakan strategi Hegemoni Gramscian untuk menjamin kesahihan (*legitimacy*) kekuasaan mereka di pedalaman, mengubah musuh berpotensi menjadi subjek yang patuh atas dasar *consent* yang diikat oleh adat spiritual mereka sendiri.

### **Simbolisme Kuasa Kolonial: Ritual Sebagai Alat Legitimasi**

BNBC memeralatkan adat tempatan seperti sumpah darah, penyembelihan kerbau, dan ikrar kesetiaan untuk menampilkan imej bahawa kuasa mereka merupakan kesinambungan daripada sistem tradisional. Berdasarkan pendekatan teori simbolisme kuasa kolonial, ritual-ritual ini berperanan sebagai alat representasi politik yang memvisualkan dominasi kolonial dalam bentuk yang dapat difahami dan diterima oleh masyarakat tempatan. Ritual sumpah darah mengalami transmudasi makna daripada ikatan spiritual antara komuniti kepada simbol politik yang mengalihkan kesetiaan kepada pihak kolonial. Walaupun kelihatan menghormati adat, BNBC sebenarnya menggunakan ritual tersebut sebagai strategi manipulatif untuk mengabsahkan pemerintahan kolonial. Simbolisme ini memperkukuh pandangan Clifford Geertz bahawa kuasa kolonial bukan sekadar menguasai tubuh fizikal masyarakat, tetapi juga makna budaya yang menjadi asas legitimasi sosial.

Hal ini dapat dilihat melalui peristiwa pada 13 Januari 1895 apabila ekspedisi rasmi BNBC dari Keningau menuju ke kawasan pedalaman Sambian. Ekspedisi diketuai oleh seorang pegawai bersama Encik Fraser, enam anggota polis, serta ketua tempatan Doryah. Mereka disertai Gunsanat dari Menansut dan Ketua Senait dari Ropian sebelum tiba di Kampung Sambian, tempat tinggal Ketua Dunkian tokoh berpengaruh di kawasan tersebut. Pada 17 Januari 1895, satu upacara sumpah darah diadakan antara pihak BNBC dengan ketua-ketua masyarakat

Sambian dan Tiawan. Sebuah batu setinggi tiga kaki ditanam separuh ke tanah sebagai lambang perjanjian. Ketua Dunkian melafazkan sumpah laknat berbunyi:

*“May the other’s village be swallowed up, may he be drowned or eat by a crocodile, may his children perish”*

(CO 874.263)

Sumpah ini membawa maksud ancaman terhadap mana-mana pihak yang melanggar taat setia kepada BNBC. Upacara turut disertai tarian ritual oleh masyarakat Senait dan Ropian yang mengenakan pakaian tradisional bersenjata lembing serta parang berhias loceng. Selepas sumpah dilafazkan, darah daripada penyembelihan kerbau dikumpulkan dalam buluh dan dituang ke atas batu sumpah sebagai simbol pengesahan perjanjian. Upacara ditutup dengan tiga das tembakan ke udara sebagai tanda rasmi (BNBH, Februari 1899). Peristiwa lain melibatkan pemerolehan kawasan Kampung Bundu Tuhan dan beberapa kampung Dusun di pedalaman Ranau yang dilaksanakan melalui operasi ketenteraan. Dua pasukan kolonial digerakkan, satu dari Teluk Abai diketuai Hewett, Ormsby, P. Wise dan Jones bersama 38 anggota polis Sikh, dan satu lagi dari Sandakan diketuai Barautt dan Wheatley bersama 250 anggota polis Iban dan Dusun. Operasi yang bermula 13 Disember 1897 hingga Januari 1898 membawa kepada kejatuhan Ranau dan pengunduran pengaruh Mat Salleh. Setelah kekalahan tersebut, pemimpin tempatan menyerah diri dan melafazkan sumpah taat setia kepada BNBC. Antara syarat utama yang dikenakan termasuk:

*“Mereka akan dikenakan denda (jumlah akan ditentukan apabila pihak kami sampai ke kampung mereka dan menilai keadaan kewangan mereka”*

*“Mereka mesti membina sebuah balai/stesen kerajaan di Ranau, seperti yang telah diarahkan”*

*“Mereka juga mesti membina sebuah lagi stesen kerajaan di kawasan mereka sendiri, da kedua-duanya atas tanggungan mereka sendiri”*

*Mereka mesti memusnahkan kubu pertahanan mereka sendiri di Bundu Tuan serta-merta”*

(BNBH, Februari 1899)

Pengesahan simbolik terhadap perjanjian ini direkodkan melalui pembinaan batu sumpah konkrit selepas tamat pertempuran Mat Salleh di Ranau pada Januari 1898, dengan ukiran berikut

*“These stones are witnesses of The oaths of loyalty to government taken by Ranau Natives after The Mat Salleh rebellion had been put down in Januari 1898”*

(Sabihah et al., 2007)

Seterusnya, pada 17 Januari 1899, suku Tuhauan turut mengangkat sumpah taat setia secara rasmi kepada BNBC di hadapan pegawai kerajaan di Beaufort (Ian Black, 1923).

### **Hegemoni dalam Konteks Pedalaman: Persetujuan Asimetri**

Walaupun BNBC berjaya memperoleh persetujuan daripada ketua-ketua suku tempatan, persetujuan tersebut tidak terbentuk melalui rundingan seimbang, sebaliknya merupakan

bentuk *consent* yang bersifat asimetri. Pihak tempatan menyesuaikan diri dengan struktur kolonial demi kelangsungan komuniti. BNBC menggunakan bahasa simbolik adat sebagai mekanisme *soft power* untuk menundukkan tanpa kekerasan, menandakan peralihan daripada fasa penaklukan kepada fasa penyesuaian budaya (*cultural accommodation*) yang mengukuhkan cengkaman kuasa tanpa tentangan besar.

Fenomena ini sejajar dengan konsep Gramsci tentang *transformismo*, iaitu proses di mana kekuatan politik baharu menyerap unsur lama bagi mengekalkan kestabilan dan mengelakkan konflik terbuka. Contohnya, Perjanjian Pulutan Mat Salleh di Menggatal bertarikh 23 April 1898 merupakan manifestasi persetujuan asimetri tersebut. Perjanjian ini dimeterai antara BNBC dan Datu Mat Salleh, mengiktiraf secara *de facto* pengaruh Mat Salleh di Tambunan, Menggatal, dan Inanam. Rundingan diadakan pada 19–22 April 1898 antara W.C. Cowie, Gabenor H.E. Wise, dan Pearson dengan Mat Salleh melalui orang tengah, Pengiran Kahar. Perjanjian bertulis yang mengandungi tujuh syarat utama ditandatangani oleh Cowie, Beaufort, Datu Sahak, dan Mat Salleh, disertai dengan upacara pengibarisan bendera BNBC dan tembakan udara sebagai tanda rasmi.

Dalam upacara tersebut, Mat Salleh mengangkat sumpah taat setia sambil menjunjung al-Quran serta menyerahkan keris dan senapang kepada BNBC sebagai simbol penyerahan kuasa dan kerjasama. Beliau berikrar membantu pentadbiran BNBC serta menentang ketua-ketua suku yang menolak pemerintahan kolonial. Perjanjian ini kemudiannya membuka ruang kepada pengiktirafan kawasan Sugut dan Labuk oleh BNBC. (BNBH, Mei 1898) Upacara ini juga turut disertakan dengan lampiran perjanjian untuk tidak ingkar dengan pemerintahan BNBC.

### Kesimpulan

Analisis berdasarkan Teori Hegemoni Gramsci dan simbolisme kuasa menunjukkan bahawa BNBC mengamalkan strategi dominasi yang kompleks dengan menggabungkan penguasaan politik dan penerimaan budaya. Melalui perjanjian lisan, sumpah darah, serta ritual tradisional, BNBC bukan sahaja memperluaskan pengaruhnya secara fizikal di Borneo Utara, tetapi turut menakluk makna budaya yang menjadi asas legitimasi masyarakat tempatan. Oleh itu, pemerolehan wilayah oleh BNBC di Pantai Barat, Pantai Timur, dan kawasan pedalaman tidak sekadar mencerminkan proses geopolitik, tetapi juga memperlihatkan bentuk penjajahan simbolik (*symbolic colonization*) yang membentuk struktur kuasa baharu berasaskan persetujuan sosial yang dikawal dan di manipulasi oleh kuasa kolonial.

## Rujukan

- Amy Azuan Abdullah & Maureen De Silva. 2017. *Sejarah warisan kebudayaan daerah Tenom*, Unit Penyelidikan Arkeologi (Upark): Universiti Malaysia Sabah.
- Azmil bin Dani, Esterlina Moo, Chin Len binti Lazarus, Akademi Seni and Teknologi Kreatif. 2024 "SIMBOL DAN KEPERCAYAAN KINOMOL DALAM RITUAL ETNIK RUNGUS." *Jurnal Gendang Alam (GA)*.
- D.S Ranjit Singh. 2000. *The Making of Sabah, 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.
- D.S Ranjit Singh. *From Suku/ Tribal Society to Nationhood: Historical Stages in The Development of Sabah As a Centralised State, 19 Century to 1963*. Tidak diterbitkan. College of Law. Government and International Studies. Universiti Utara Malaysia.
- Emmanuel Palaez. 1964. *Philippine Claim to North Borneo*. Manila: Bureau of Printing.
- Fontana, Benedetto 1996 "Gramsci on Politics and State." *Journal of Modern Italian Studies*, Vol. 1, No. 2.
- Gramsci, Antonio. 1971. *Selections from the Prison Notebooks*. New York: International Publishers.
- Helina G Jainis. 2003. *North Borneo Armed Constabulary 1881-1941*. Latihan Ilmiah. Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial: Universiti Malaya.
- Hilina G. Janis. 2004. *North Borneo Armed Constabulary 1881-1941*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Ian Donald Black .1923. *A Native North Administration By The British Borneo Chartered Company Rule in Sabah. 1878-1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Ian Donald Black. 1968. The Ending of Brunei Rule in Sabah 1878-1902, *Journal of The Malaysian Branch Royal Asiatic Society*.
- Ian Donald Black. 1985. *A Gambling Style of Government The Establishment of Chartered Company Rule in Sabah. 1878-1915*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- 'Interior, Serugin's house at Kampong Uloi, Tenom. Old jars tied up to the walls. Rice ready for winnowing in tray on the mat.' (1 photo). 'Rasaman (standing) and Aguron (seated). Timogen headmen, Tenom.' (1 photo). 'Galok's house, R. Olos-on, Melalap, Tenom.' (1 photo). 1936. MS CO 1069/538/16, Records of the British Colonial Office. The National Archives (Kew, United Kingdom). *State Papers Online Colonial*
- Inward Despatches from the Company's Governor. (1899 Jan. 4-1899 June 29). MS Records of the British Colonial Office CO 874/263. The National Archives (Kew, United Kingdom).
- Inward Despatches from the Company's Governor. 1889 June 26-1889 Dec. 20. MS CO 874/248, Records of the British Colonial Office. The National Archives (Kew, United Kingdom). *State Papers Online Colonial*.
- Inward despatches from the Company's Governor. 1900 Jan. 4-1900 June 30. MS CO 874/265, Records of the British Colonial Office. The National Archives (Kew, United Kingdom). *State Papers Online Colonial*.
- J. de V. Allen, A. J. Stockwell & L. R. Wright. 1981. *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia, 1791-1963*, Vol. II London: Oceana Publications.
- John White Head. 1893. *Exploration of mount Kinabalu North Borneo*. London: Gurney and Jackson.
- K.B Tabrett, 1998. Early Constabulary Expedition in British North Borneo 1883 to 1888. "Sabah Society Journal", 1998, Vol 15.
- Kennedy Gordon Tregonning 1965. *A History of Modern Sabah North Borneo (1881-1963)*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- 'Muruts in a house at Lingkadau with a jar of 'Tapai'. One man drinking through a small bamboo,

- Keningau.' (1 photo). 'In the district officer's garden, Tambunan. By 'Oath' stone on the edge of the hill.' (1 photo). 'Government office, Tambunan, from the D. O's garden.' (1 photo). 1936. MS CO 1069/538/26, Records of the British Colonial Office. The National Archives (Kew, United Kingdom). *State Papers Online Colonial*
- Nicolas Tarling. 1971. *Britain, The Brooke and Brunei*. United Kingdom. London: Oxford University Press.
- Nicolas Tarling. 1978. *Sulu and Sabah A study of British policy towards the Philippines and North Borneo From the late eighteenth century*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- O. W Wolters. 1985. *History culture and region In Southeast Asian perspectives*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Oliver Valetine Eboy, Jackqueline Pugh-Kitingan & Baszley Bee. Basrah Bee. 2022. *Megalit Tambunan Pemetaan GIS untuk Pelancongan*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Owen Rutter. 1922. *British North Borneo An Account of its History Resources and Native Tribes*. London: Constable & Company Limited Bombay Sydney.
- P.S Shim. 2007. *Inland people of Sabah: before during and after Nunuk Ragang*. Kota Kinabalu: Borneo Cultural Heritage.
- Peter R. Phelan. 1997. *Traditional Stone and Wood monuments of Sabah*. Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo Yayasan Sabah.
- Peter R. Phelan. 2003. *The traditional legal system of Sabah*. Kota Kinabalu: Pusat Kajian Borneo Yayasan Sabah.
- The British North Borneo Herald & Fortnightly Record*, Vol. XVI, 1898. Microfilm no. M.134/88. Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Archives.
- The British North Borneo Herald & Fortnightly Record*, Vol. XVII, 1899. Microfilm no. M.135/88. Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Archives.
- The British North Borneo Herald & Fortnightly Record*, Vol. XXVII, 1909. Microfilm no. M.145/88. Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Archives.
- The British North Borneo Herald & Official Gazette*, Vol. IV, 1886. Microfilm no. M.1/87 & M.122/88. Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Archives.
- The North British Borneo Herald & Official Gazette*, Vol. V, 1887. Microfilm no. M.123/88. Kota Kinabalu, Sabah: Sabah State Archives.
- Thomas. Nicholas 1994. *Colonialism's Culture: Anthropology, Travel and Government*. Cambridge: Polity Press.
- Tom Harrision. 1967. *The Bornean Peoples*. London: British Museum (Natural History).
- Treacher, W. H. 1884. "The British North Borneo Company and the Native Chiefs." *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society*. 13.